



Biro Khairat Kematian Masjid Al-Makmuriah

Jalan Masjid, Kampung Sungai Kayu Ara, Damansara 47400 Petaling Jaya, Selangor.

Tel. +6011-5757 6719

Email: almakmuriah.kayuara@gmail.com

TERMA & SYARAT

1. Siapa yang layak mendaftar keahlian khairat kematian?

Keahlian hanyalah untuk anak kariah beragama Islam yang telah menetap atau bermastautin dalam kariah Masjid Al-Makmuriah sekurang-kurangnya:

- i. 3 bulan - warganegara
- ii. 12 bulan - bukan warganegara

2. Apakah dokumen yang diperlukan untuk daftar keahlian?

Sebelum mendaftar, sila sediakan salinan gambar:

- i. Kad Pengenalan (depan belakang) ATAU Passport yang belum tamat tempoh (muka depan)
- ii. Bil utiliti beralamat tempat tinggal semasa (Elektrik, Air atau Penyelenggaraan atau lain-lain)

3. Bagaimana cara untuk mendaftar keahlian khairat kematian Masjid Al-Makmuriah?

Semua pendaftaran perlu dibuat melalui website e-khairat:

<https://www.e-khairat.com/almakmuriah/home.html>

- **Langkah 1: Permohonan pendaftaran ahli baru**
Isi maklumat pemohon dan maklumat tanggungan (bagi yang berkeluarga) dengan menyertakan dokumen yang dinyatakan di point nombor 2
- **Langkah 2: Pengesahan dan kelulusan**
Permohonan disemak oleh admin Masjid Al-Makmuriah. Hanya permohonan yang mengikuti syarat akan diluluskan.
- **Langkah 3: Bayaran**
Notifikasi kelulusan akan dihantar ke email pemohon. User id dan password diberi kepada pemohon untuk diteruskan dengan pembayaran secara FPX (online) melalui website e-khairat

4. Apakah itu tempoh matang atau tempoh menunggu?

Tempoh matang @ tempoh menunggu adalah tempoh dari tarikh polisi dimulakan sehingga perlindungan boleh digunakan untuk tuntutan.



Biro Khairat Kematian Masjid Al-Makmuriah

Jalan Masjid, Kampung Sungai Kayu Ara, Damansara 47400 Petaling Jaya, Selangor.

Tel. +6011-5757 6719

Email: almakmuriah.kayuara@gmail.com

5. Berapa hari tempoh matang atau tempoh menunggu?

Tempoh matang adalah selama 14 hari dari tarikh bayaran keahlian diterima.

Hanya ahli atau tanggungan yang telah mendaftar selepas 14 hari sahaja layak terima

Pengurusan Jenazah Percuma sekiranya berlaku kematian.

6. Berapa kadar sumbangan yuran keahlian?

Ada 3 kategori sumbangan yuran tahunan:

Bil	Yuran (RM)	Kategori	Kelayakan Ahli & Tanggungan
1	35.00	Bujang	Ahli berumur 21 tahun ke atas
2	70.00	Keluarga	i. Ahli – ketua keluarga ii. Pasangan – suami / isteri iii. Tanggungan – Anak-anak, anak tiri, anak angkat berdaftar (<i>belum berkahwin dan umur bawah 22 tahun</i>), anak OKU (<i>tiada had umur</i>), ibu bapa/mertua (<i>tinggal serumah</i>) **bagi yang beristeri lebih daripada seorang, hanya isteri pertama layak didaftarkan sebagai pasangan. Isteri kedua/ketiga/keempat perlu daftar berasingan)
3	70.00	Individu pemegang passport	Ahli (<i>tiada had umur</i>)

7. Bila perlu bayar sumbangan yuran?

Bayaran perlu dibuat mengikut situasi berikut:

i. **Pendaftaran Ahli baru**

Sumbangan yuran perlu dibayar sejurus selepas permohonan pendaftaran diluluskan oleh Biro khairat Masjid Al-Makmuriah (rujuk no 3, langkah 3)

ii. **Pengaktifan Ahli**

Sumbangan yuran tahunan perlu dijelaskan sebelum atau selewat-lewatnya pada **31-Disember** setiap tahun



Biro Khairat Kematian Masjid Al-Makmuriah

Jalan Masjid, Kampung Sungai Kayu Ara, Damansara 47400 Petaling Jaya, Selangor.

Tel. +6011-5757 6719

Email: almakmuriah.kayuara@gmail.com

8. Apakah akibatnya sekiranya ahli tidak menjelaskan bayaran tahunan pada masa yang telah ditetapkan?

Keahlian akan serta-merta terbatal sekiranya ahli gagal membayar yuran tahunan pada masa yang telah ditetapkan seperti yang dinyatakan di no 7(ii).

Ahli masih boleh mengaktifkan keahlian dengan menjelaskan tunggakan tetapi kelewatan membayar menyebabkan ahli perlu tunggu tempoh matang @ tempoh menunggu 14 hari seperti ahli baru (rujuk no 5)

9. Adakah ahli yang berpindah ke luar dari kariah perlu kemaskini data atau maklumkan kepada pihak khairat Masjid Al-Makmuriah?

Ya, ahli yang berpindah ke luar dari kariah Masjid Al-Makmuriah disarankan mengemaskini data atau maklumkan kepada Biro Khairat Masjid Al-Makmuriah. Ahli akan hilang kelayakan untuk menyambung keahlian pada tahun berikutnya.

Walau bagaimanapun anak yang telah berkahwin dan berpindah ke luar kariah tetapi masih di dalam kawasan **Selangor**, layak menjadi ahli khairat tetapi caj tambahan akan dikenakan bagi penggunaan van jenazah sekiranya jarak perjalanan melebihi 20km

10. Sekiranya ahli meninggal dunia, bolehkah waris menyambung keahlian yang sedia ada?

Ya, boleh. Keahlian boleh diambil alih oleh waris dengan syarat waris itu di bawah tanggungan si mati masa hayatnya.

11. Bolehkah tambah nama tanggungan dari masa ke semasa?

Ya, boleh tambah tanggungan sekiranya ada penambahan ahli keluarga (contoh: kelahiran anak baru) dengan mengemaskini data melalui website e-khairat.

12. Bolehkah sumbangan yuran tahunan di bayar awal untuk tahun-tahun ke hadapan?

Ya, sumbangan yuran tahunan boleh dibayar awal untuk tahun-tahun ke hadapan atas kehendak ahli (contoh: 2026 tahun semasa tapi ahli bayar juga untuk 2027)



Biro Khairat Kematian Masjid Al-Makmuriah

Jalan Masjid, Kampung Sungai Kayu Ara, Damansara 47400 Petaling Jaya, Selangor.

Tel. +6011-5757 6719

Email: almakmuriah.kayuara@gmail.com

MANFAAT

13. Apakah manfaat menjadi ahli khairat kematian Masjid Al-Makmuriah?

Manfaat menjadi ahli khairat kematian Masjid Al-Makmuriah:

- i. Kos pengurusan jenazah yang diuruskan di Masjid Al-Makmuriah akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak Masjid
- ii. Kos lubang kubur (*harga semasa: RM150*) yang dibayar oleh waris secara online kepada MBPJ boleh dituntut daripada pihak Masjid Al-Makmuriah mengikut harga semasa.
- iii. Majlis tahlil untuk arwah dibuat 3 malam berturut-turut di Masjid Al-Makmuriah

14. Bagaimana sekiranya berlaku kematian dan pengurusan jenazah serta pengebumian dilakukan di luar kariah?

Sekiranya berlaku kematian di luar kariah dan pengurusan serta pengebumian jenazah dibuat di luar kariah, pihak masjid akan memberi wang saguhati kepada waris mengikut kos pengurusan ditempat berkenaan tetapi terhad kepada kos pengurusan Masjid Al-Makmuriah. Waris disaran dapatkan bil/resit dari pihak pengurusan tersebut sebagai dokumen sokongan ketika menuntut wang saguhati.

15. Berapakah jumlah sumbangan yang akan diterima oleh waris sekiranya berlaku kematian serentak lebih dari satu dalam satu keluarga yang berdaftar?

Bagi kematian yang berlaku serentak dalam satu keluarga dan pengurusan jenazah dilakukan di tempat lain, berikut adalah kadar sumbangan yang akan diberi oleh pihak Masjid Al-Makmuriah:

- | | |
|-------------------------|---------|
| i. Jenazah pertama | - RM960 |
| ii. Jenazah kedua | - RM600 |
| iii. Jenazah berikutnya | - RM600 |